

SEMINAR ANTARABANGSA AGAMA DAN PEMBANGUNAN III: ISLAM PASCA KEMERDEKAAN

6 dan 7 Ogos 2007

Bilik Senat dan Bilik Majlis,
Bangunan Canselori, Universiti Kebangsaan Malaysia

Penganjur Bersama:

Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti
Kebangsaan Malaysia
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Dengan Kerjasama:

Universitas Tanggal 17 Augustus 1945, Surabaya, Indonesia
Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sunan Ampel, Surabaya, Indonesia
Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Imam Bonjol, Padang, Indonesia
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti
Malaya

Latar Belakang:

Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan ini adalah penerusan kepada dua siri seminar sebelum ini iaitu Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan I yang diadakan pada 23 Ogos 2004 di Universitas Tanggal 17 Ogos 1945 (UNTAG) Surabaya, Indonesia dan Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan II yang diadakan pada 6 Jun 2006 di IAIN Sunan Ampel, Surabaya, Indonesia. Kelangsungan itu, Universiti Kebangsaan Malaysia telah dipilih sebagai tuan rumah Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan III.

Seminar ini bertepatan dengan sambutan genap 50 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan. Sepanjang lima dekad kemerdekaan Malaysia, banyak perkara, isu, dan peristiwa berkaitan Islam dan umat Islam telah berlaku dalam negara dan juga merentasi sempadan negara. Dengan sambutan jubli emas kemerdekaan Malaysia yang dijangka akan disambut secara besar-besaran, maka seharusnya para academia menyambutnya dengan pendekatan akademik. Seminar ini juga bertepatan dengan sambutan 62 tahun kemerdekaan Republik Indonesia.

Objektif:

Sejajar dengan sambutan jubli emas kemerdekaan Malaysia serta sambutan kemerdekaan Republik Indonesia, seminar ini mempunyai objektif-objektif berikut:

- Mengenengahkan pencapaian Islam di Malaysia dan Indonesia dalam pelbagai bidang selepas era kemerdekaan
- Membentangkan hubungan dan perbezaan pencapaian umat Islam di kedua-dua buah negara
- Mengenalpasti kelemahan dan kekurangan umat Islam dalam era pasca kemerdekaan

- Menilai tahap pencapaian ilmu berkaitan Islam seperti akidah, tafsir, ulum hadith, syariah, dakwah, tamadun Islam, dan sebagainya pada era pasca kemerdekaan
- Merumuskan strategi pembangunan dan pengukuhan umat Islam pada dekad akan datang

Bayaran Peserta:

Seminar ini dijangka akan disertai oleh:

- Ahli-ahli akademik universiti di Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, dan lain-lain
- Ahli-ahli agensi kerajaan dan swasta
- Para pelajar dan individu perseorangan

Para peserta dikenakan bayaran berikut bagi makan dan minum sepanjang seminar:

- Pelajar : RM20.00
- Individu : RM50.00
- Wakil institusi: RM100.00

Bayaran Pembentang:

Para pembentang yang ingin membentang kertaskerja dikenakan bayaran berikut bagi kos perjalanan seminar:

- Pembentang Fakulti Pengajian Islam, UKM : RM95.00
- Pembentang Luar : RM145.00

Abstrak dan Kertaskerja:

Semua pembentang yang bercadang membentang kertaskerja dipohon menghantar abstrak dan kertaskerja sebelum 30 Mei 2007 kepada:

Sekretariat Jawatankusa Seminar
Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan III
Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor
MALAYSIA

Email: mazib@pkrisc.cc.ukm.my

Tel: 603-8921 5520/5522/3516

Format Penulisan Abstrak dan Kertaskerja:

Semua abstrak dan kertaskerja ditulis berdasarkan format berikut:

- Font: Times New Roman, saiz 11
- Single spacing dan tidak melebihi 10 halaman.
- Format penulisan: sistem pengarang tarikh
- Bibliografi disusun mengikut abjad pengarang. Format: Pengarang. Tarikh. Judul rujukan (*italics*). Tempat penerbitan: nama penerbit.